

Soalan No: 16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kos baru untuk membina SJKT Sungai Bakap di kawasan baru, siapakah kontraktor yang telah dilantik dan setelah menunggu 8 tahun, mengapa sebuah sekolah baru belum lagi dibina.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan projek sekolah ini adalah di bawah tanggungjawab pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM3.5 juta kepada pihak LPS. Memandangkan tapak yang diperuntukkan itu berbukit maka pihak sekolah tersebut memerlukan peruntukan tambahan untuk kerja-kerja tanah di kawasan tapak tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak sekolah telah dimaklumkan tentang kelulusan pembahagian tapak melalui surat bertarikh 9 Mac 2018 dan mengambil langkah yang perlu untuk memulakan kerja-kerja awal untuk penyediaan tapak sekolah berkenaan.

RJM36